

Perdana Menteri pertama dari kalangan 'perubatan'

UM 10 JUN 1981

KINI adalah jelas bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir akan terpilih sebagai Presiden UMNO dan apabila Datuk Hussein Onn bersara Datuk Sri Dr. Mahathir akan menjadi Perdana Menteri. Pengesahan ini dilakukan pada 28 Jun 1981 semasa berlangsungnya pemilihan UMNO dan pemilihan Dr. Mahathir sebagai Presiden adalah suatu keputusan yang sudah diduga.

Apabila Dr. Mahathir menggantikan Datuk Hussein beliau akan menjadi Perdana Menteri Keempat di dalam Malaysia moden tetapi ahli perubatan yang pertama dipilih menduduki jawatan tertinggi tersebut — ketiga-tiga orang Perdana Menteri yang terdahulu daripadanya adalah peguam.

Sudah tentu profesion perubatan, berasa bangga bahawa salah seorang anggotanya kini menjadi Perdana Menteri dan saya yakin ini akan menggalakkan lebih ramai lagi para doktor berkecimpung dalam politik.

Di masa lalu kita mempunyai seorang doktor sebagai Timbalan Perdana Menteri iaitu Allahyarham Tun Dr. Ismail dan ketika ini kita mempunyai Dr. Lim Chong Eu yang telah menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang sejak 1969. Dan memang kita mempunyai ramai wakil rakyat di peringkat Persekutuan dan di peringkat negeri tetapi ini adalah kali pertama seorang doktor memegang jawatan Perdana Menteri.

Dr. Mahathir dilahirkan pada 20 Disember 1925 di Kedah dan pada mulanya belajar di sebuah sekolah Melayu kemudian di Maktab Sultan Abdul Hamid di Alor Setar.

Dalam tahun 1949 beliau memasuki Maktab Perubatan King Edward VII Singapura dan antara yang bersama-sama beliau di sana waktu itu termasuklah mendiang Tan Sri Datuk R.P. Pillay, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk J. Eapen, kini Doktor Perunding di Hospital Bekar Kuala Lumpur Dr. P.C. Vanisingam, bekas Jurubedah Perunding Hospital Besar Pulau Pinang dan kini di dalam sektor swasta.

Saya sendiri meninggalkan maktab itu hujung 1949 jadi saya tidak banyak mengenali Dr. Mahathir dan kelompoknya.

Waktu itu beliau kelihatan seorang penuntut yang pendiam dan serius serta amat mementingkan kumpulannya yang merupakan sikap penuntut penuntut Kedah ketika itu, lebih tiga puluh tahun dahulu.

Beliau bermain ragbi serba sedikit dan untuk tempoh yang singkat menjadi pengarang The Couldron, sebuah majalah perubatan pelajar dan beliau kerap menyumbangkan tulisan di Straits Times dengan memakai nama samaran Che Det. Hinggakan di waktu scawal demikian pun beliau banyak menulis

Ketika di maktab juga Dr. Mahathir adalah Presiden Persatuan Islam menggantikan Allahyarham Aminuddin Baki di samping menjadi ahli jawatan-kuasa UMNO Kedah.

Ketika di maktab beliau mempunyai minat terhadap kereta dan membeli sebuah Fiat yang buruk dengan harga \$500. Dengan kereta itu dan dengan ditemani oleh Mohamed bin Abdul Kadir beliau menghala ke Alor Setar tetapi sebelum tiba ke tempat yang dituju Fiat itu rosak!!!

Di waktu di maktab juga beliau menjalinkan persahabatan yang kekal dengan Siti Hasmah binti Ali yang kemudian dikahwininya. Datin Sri Siti Hasmah kini adalah seorang pegawai tingkatan khas di dalam perkhidmatan perubatan dan dapat menambahkan kebijakan, seri dan keindahan kepada jawatan yang kini disandang oleh suaminya.

Setelah lulus pada tahun 1955 Dr. Mahathir berkhidmat dalam kerajaan selama empat tahun dan kemudian meletakkan jawatan untuk membuka perusahaannya sendiri. Beliau menjadi salah seorang doktor swasta yang paling berjaya di Alor Setar dan menyambung kerjaya politiknya.

Dalam tahun 1964 beliau dan saya terpilih ke Dewan Rakyat di masa yang serentak. Beliau berusia 39 tahun dan saya 45 tahun. Beliau mewakili Kota Setar Selatan dan saya mewakili Batu. Kedua-dua kami menjalani tempoh pembelajaran yang panjang dan sukar dan ternyata beliau adalah salah satu bintang yang sedang meningkat di antara golongan muda UMNO.

Sebaliknya saya adalah salah seorang yang terselamat dalam Front Sosialis (SF). SF meletakkan 64 orang calon dalam pilihanraya 1964 dan dalam "pembunuhan orang-orang yang tidak berdosa" itu hanya dua daripada kami yang berjaya memenangi kerusi — Lim Kuan Siew di Datuk Keramat dan saya di Batu. Saya juga memenangi kerusi Negeri Selangor di Kepong dengan majoriti 2 undi daripada jumlah 15,663 undi yang dibuang!

Dr. Mahathir dan saya kerap bertikam lidah di Dewan Par&en. Kami bukan saja bertikam lidah di dalam Dewan itu tetapi juga di luar Dewan. Kedua-dua kami akan menerima undangan-undangan untuk berucap di forum-forum yang diselenggarakan oleh pelajar universiti dan di sana kami berbantahan secara terbuka.

Seperti yang pernah saya katakan Dr. Mahathir adalah salah seorang dari beberapa kerat menteri yang tidak merasa gementar berdepan audien pelajar.

Sebagai penyokong kerajaan beliau bukan saja lantang bersuara tetapi berani melahirkan apa yang difikirkannya. Beliau gemarkan perdebatan-perdebatan yang berlangsung di dalam Dewan Rakyat.

tentang masalah penduduk-penduduk luar bandar.

Untuk suatu ketika, beliau menghuni salah satu 'Nissen Hut' dekat padang permalnan. Nissen Hut digelar kandang-kandang oleh penuntut-penuntut senior dan antara yang bersama-sama menghuni kandang-kandang tersebut ialah Datuk Adnan Abdullah, Ketua Pengarah Perkhidmatan Kebajikan, dan Encik Ahmad Ridduan, Timbalan Ketua Pengarah Kastam yang, telah bersara, Dr. Mohamed Abdul Kadir kini seorang doktor swasta di Sungai Petani dan masih membujang!

Di antara sejawat-sejawatnya yang lebih senior yang mengingati Dr. Mahathir ialah Dr. Chong Chun Hian, pernah menjadi Prof. Obstetrik dan Ginekologi, dan kini adalah seorang doktor swasta yang pernah memaksa juniornya Mahathir bin Mohamad tidur di bawah katilnya sepanjang malam di waktu ragging!

Kalaulah Dr. Chong Chun Hian dapat mengintai ke masa depan saya pasti beliau akan berfikir dua kali sebelum menyuruh seorang bakal Perdana Menteri tidur di bawah katilnya sekalipun di masa ragging!!

Pada suatu jangka masa yang singkat kami berdua bersama-sama berkhidmat di dalam Mailis Universiti Malaya.

Di dalam tahun 1969 beliau dikalahkan di kawasan Kota Setar Selatan oleh Haji Yusuf Rawa. Beliau menghasut para pelajar menentang Tunku dan menuliskan sepucuk surat kepada Tunku yang menyuarakan kekecewaan-kekecewaan yang dialami oleh scgelintir di dalam UMNO mengenai masalah orang-orang Melayu.

Kandungan surat itu dibocorkan kepada pihak akhbar dan Dr. Mahathir dengan serta merta disingkirkan dari parti dan tersisih daripada politik selama kira-kira tiga tahun dan di waktu mana beliau menuliskan "Malay Dilemma" yang masih diharamkan sehingga hari ini.

Pengharaman buku itu membuatnya menjadi bestseller dan meningkatkan penjualannya di sini dan di luar negeri !!

Disebabkan tulisannya ini beliau dicap sebagai ULTRA dan sejak itu beliau memprotes bahawa beliau sebenarnya bukanlah anti-Cina atau anti-se. siapa pun juga... hanyalah beliau ingin membetulkan ketidakseimbangan yang wujud di kalangan orang orang Melayu.

Adalah menarik bahawa pada waktu yang sama dan atas alasan-alasan yang sama digelar calon penting bagi jawatan tinggi dalam UMNO dipecat daripada parti juga kerana dicap sebagai ultra. Saya sememangnya merujuk kepada Datuk Musa Hitam. Dr. Mahathir tidak berusaha menyertai mana-mana parti politik dalam masa beliau terkeluar dari UMNO. Beliau tidak merayu untuk diterima semula dan beliau menegaskan di waktu itu dan saya memetikanya: "Saya tidak akan merangkak masuk!"

Seperti Datuk Hussein saya yakin dalam tempoh singkat di masa terumbang-ambing itu telah banyak mengajar Dr. Mahathir dan beliau pasti banyak mendapat pengajaran daripadanya. Ia telah mengajar beliau memerhatikan duduk perkara dengan perspektif yang berlainan.

Di dalam tahun 1972 beliau kembali ke dalam UMNO dan dipilih semula ke Majlis Tertinggi UMNO. Tahun berikutnya beliau dilantik menganggotai Dewan Negara dan saya merasakan waktu itu adalah suatu kesilapan untuk menjadi seorang Senator kerana di mana-manapun ditentang ke atas bermakna selamat tinggal kepada cita-cita politik seseorang.

Ternyata ini bukanlah kedudukannya di Malaysia kerana di dalam pilihanraya umum 1974 Dr. Mahathir kembali ke Dewan Rakyat setelah dipilih tanpa bertanding bagi kawasan Kubang Pasu!

Tetapi seorang harus sedar bahawa ketika itu PAS adalah anggota Barisan Nasional dan tidak ada tentangan kepada Barisan Nasional di kawasan-kawasan yang seratus peratus Melayu.

Setahun sebelum itu iaitu dalam tahun 1973 beliau dilantik sebagai Pengerusi FIMA dan beliau masih memegang jawatan itu hingga hari ini.

Semasa beliau menjadi Senator beliau turut bertanggungjawab memperbaiki segala kekusutan yang berlaku dalam FIMA. Tetapi dengan meningkatnya tanggungjawab kementerian beliau, perhatian beliau kepada FIMA semakin lama semakin berkurangan dan kini orane masih mendengar tentang projek-projek yang gagal dalam FIMA.

Sudah tepat waktunya bagi beliau menyerahkan jawatan pengerusi FIMA kepada seorang lain yang boleh menumpukan lebih banyak masa untuk menguruskannya supaya FIMA tidak terus menerus menanggung kerugian seperti sekarang ini.

Selepas pilihanraya 1974 Dr. Mahathir ditantik menjadi Menteri Pelajaran dan secara kebetulan beliau terpaksa berdepan dengan arus kegelisahan para pelajar yang kemudiannya merebake kepada kakitangan pengajar juga.

berlaku adil kepada buruh dan pemodal. Beliau telah diberikan taklimat dengan baik oleh para pegawainya dan beliau ternyata telah meninggalkan gambaran yang baik di luar negeri.

Di dalam negeri beliau telah mewujudkan suatu agensi induk dalam MIDA yang dahulunya FIDA dan kini tidak dapat dipastikan sama ada seorang Timbalan Perdana Menteri pun mampu merangsang kepegawaian untuk bergerak se pantas yang dimahukan oleh pihak kerajaan.

Kini setelah Dr. Mahathir berjaya mencapai kemuncak cita-citanya apabila beliau menggantikan Datuk Hussein Onn, ia tidak bermakna bahawa beliau akan menghadapi perjalanan yang selesa. Jawatan Perdana Menteri di mana-mana pun tidak pernah merupakan jawatan di mana seorang menerima gajinya tanpa bekerja keras.

Beliau terpaksa melenyapkan dakwaan ke atasnya, sama ada benar atau pun tidak, bahawa beliau seorang ultra. Mujurlah jangka lima tahun yang digunakannya mempelajari tugas seorang Perdana Menteri telah mengajarnya tentang realiti kuasa di dalam negara yang dibebankan dengan masalah-masalah ketunman, agama, kelas dan sebagainya ini.

Beliau juga telah mempelajari bahawa dalam negara berbilang keturunan sebuah kerajaan tidak dapat memerintah dengan kuasa orang Melayu semata-mata tetapi harus mempunyai sokongan dan kerjasama daripada orang Cina, India dan yang lainnya juga di dalam negara ini.

Beliau dulunya seorang pengkritik yang lantang terhadap kerajaan sewaktu menjadi penyokong di Dewan Rakyat serta di dalam tempoh singkat beliau terkeluar dari arena politik, tetapi kini beliau memegang teraju dan dengan hati terbuka saya berharap beliau tidak mengelilingkan diinya dengan "pemukul gendang" dan "yes-man". Ini adalah cara yang pasti untuk memusnahkan kredibiliti kerajaan.

Di akhir-akhir ini beliau agak benar dalam menyeru bumiputera khususnya orang-orang Melayu supaya mereka memperbaiki diri sendiri dan bertungkus lumus mencari nafkah kerana tiada siapa pun yang seharusnya mendokong mereka. Bahawa hak-hak keistimewaan dan naungan kerajaan tidak akan kekal berlanjutan.

Kini beliau harus membuktikan kepada bukan Melayu di negara ini bahawa mereka juga mempunyai kepentingan di dalam negara makmur kita ini dan beliau harus membuktikan melalui tindakan-tindakan dan bukan cuma melalui kata-kata bahawa orang-orang bukan Melayu mempunyai masa depan di dalam negara ini dan bahawa Malaysia adalah bagi SEMUA RAKYAT tanpa mengira keturunan, warna dan agama.

Kearifan ini membangkitkan sikap keras dalam diri DA. Mahathir di mana beliau memperkenalkan pindaan-pindaan terhadap Akta Universiti dan Kolej Universiti yang jelas merobah universiti-universiti kita menjadi cabang Kementerian Pelajaran.

Apa yang dikatakan Autonomi Universiti kini adalah suatu perkara yang telah lalu dan universiti-universiti kita serta institusi-institusi pengajian tinggi lainnya kini diuruskan atas perintah Kementerian Pelajaran.

Sejak kembalinya beliau ke barisan depan kerajaan dan khususnya selepas perantikannya sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau telah ditugaskan mengepalai beberapa jawatankuasa seperti kajian semula gaji dan perubahan-perubahan ke atas sistem pelajaran. Beliau campur tangan dalam pertikaian MAS dan pertikaian dengan MTUC berhubung pindaan-pindaan ke atas Undang-Undang Kesatuan Sekerja dan sebagainya.

Dalam menyelesaikan dua issue terakhir beliau telah menggunakan kekerasan dan tidak jarang menggunakan ISA untuk mengunci mulut penentang-penentangannya.

Sementara itu, Dr. Mahathir telah berpindah dari Pelajaran ke Perdagangan dan Perindustrian. Sebelum ketibaan beliau ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pelaburan asing bagaikan telah terbengkalai, sebab besarnya ialah kerana ICA iaitu Akta Penyelarasan Pelaburan yang telah menakutkan baik peniaga-peniaga tempatan mau pun peniaga asing.

Dr. Mahathir bejumpa dengan para pelabur dan telah meminda ICA beberapa kali untuk mengambil hati mereka. Di masa yang sama beliau melancarkan beberapa misi dagang yang dikatakan telah berjaya.

Tidak seperti menteri-menteri sebelumnya beliau dengan tegas menyatakan kepada para pelabur asing bahawa tenaga buruh di negara ini tidaklah MURAH tetapi kerajaan mencuba mengimbangi supaya

Dalam mengendalikan tugas tersebut kelakunya kadang kala pahit dirasakan oleh setengah-setengah di dalam negara ini tetapi beliau harus sedar sekaran bahawa menjadi seorang Perdana Menteri bukanlah sesuatu yang menyenangkan.

Beliau harus menekan pihak pelampau dari apa jenis keturunan, agama dan kelas dan usahanya ini beliau akan mendapat sokongan sebahagian besar dari rakyat negara ini.

Beliau harus belajar bertolak ansur dengan suara menentang yang merupakan sebahagian dari demokrasi berparlimen yang didokong oleh kerajaan Isiah Nasional.

Penyekatan-penyekatan lanjut ke atas kebebasan asasi akan sama ada menolak seorang warganegara Malaysia yang waras ke luar dari negara ini atau pun menjadi anggota bawah tanah.

Ia akan hanya mendedahkan ketidakmatangan pihak kerajaan, rasa tidak selamatnya dan ketiadaan keyakinannya di dalam rakyatnya sendiri dan di dalam dirinya sendiri.

Sewajarnya selepas hampir suku abad memerintah sendiri dan selepas suatu bencana besar di dalam tahun 1969 kita sudah belajar menghadapi suara menentang tanpa meletakkan sekatan-sekatan lanjut ke atas hak kebebasan asasi di dalam negara ini.

Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981 adalah amat tidak diperlukan dan akan memaksa ramai dan ramai lagi rakyat membangkang kerajaan.

Saya benar-benar berharap apabila Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri salah satu tindakan awal beliau kelak ialah memerintahkan pengkajian semula yang menyeluruh ke atas Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981 yang amat mengganggu ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada Dr. Mahathir kerana menekan pelampau agama di negara ini. Beliau adalah yang pertama mengancam pencabulan yang dilakukan ke atas kuil-kuil Hindu di negara ini. Malaysia adalah sebuah negara berbilang agama.

Semua agama-agama penting di dalam dunia boleh didapati di sini dan adian amat perlu bagi kita memiliki sifat tolak ansur dan kebebasan beragama.

Di dalam satu majlis perkahwinan baru-baru ini di Pusat Sivik Petaling Jaya, Dr. Mahathir, sambil menoleh sekeliling beliau, mengulas bahawa wajah-wajah yang dikenalnya mengingatkan bahawa beliau hampir-hampir berada dalam suatu kelompok alumni.

Sebahagian besar daripada tetamu adalah seangkatan dengannya ketika di Maktab Perubatan King Edward VII Singapura dan tiada ragu-ragu lagi beliau amat mengembirai kehadiran mereka.

Ketika itu beliau mampu melupakan tugas-tugas pejabat dan boleh berbuat sesuka hati kalau beliau mahu.

Dan walaupun menerusi tempoh bertahun-tahun masing-masing dari kami telah berhijrah ke berbagai parti-parti politik dan mengembangkan berbagai minat dan kegemaran sendiri tetapi bila mana kami berkumpul senyuman-senyum terukir di bibir dan kami mengenangkan semula kisah-kisah lama di maktab.

Dan bagi sebahagian terbesar dari kami hari-hari yang telah lalu itulah hari-hari yang indah yang kami cuba mengenangkan kembali sewaktu kami bersua muka.

Kami adalah kumpulan yang berbilang keturunan, berbilang agama dan berbilang politik tetapi wujud suatu jalinan persahabatan antara kami yang kekal teguh menghadapi ujian masa.

Saya pasti saya bercakap bagi pihak semua di dalam Persatuan Alumni Maktab Perubatan King Edward VII apabila saya mengatakan bahawa ahli-ahli Alumni adalah bersama-sama saudara dalam tanggungjawab baru saudara Dr. Mahathir.

Lebih dari itu, negara ini kini berada dalam mood untuk melihatkan bahawa kita bergerak dalam azam mencapai penyelesaian bagi masalah-masalah kita.

Rakyat hanya akan berembira memberikan Perdana Menteri baru kita suatu tempoh berbulan madu yang tradisional itu di dalam jawatannya bila mana kelakunya tidak akan diendahkan sangat kerana diberikan peluang.

Perdana Menteri adalah untuk semua rakyat, bagi kepentingan negara seluruhnya. Dr. Mahathir harus membuktikan dirinya di dalam peranannya untuk memimpin negara ini kepada masa depan yang progresif dan makmur sebagai sebuah negara moden.